

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)**

**Tuan Fong Kui Lin [ Bukit Bintang ] minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan**  
apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu rakyat  
yang tersepit dari kenaikan kos sara hidup.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sememangnya peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan taraf hidup rakyat pada masa kini. Pelbagai inisiatif dan program telah diambil bagi memastikan taraf hidup rakyat di negara dijaga, antara lainnya ialah seperti berikut:

- i) Menubuhkan **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara** bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan lebih berkesan;
- ii) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- iii) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** semasa 6 perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas;
- iv) Menghadkan **kadar faedah maksimum bagi transaksi jualan kredit** kepada 15% setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40% setahun;
- v) Melaksanakan program **Penyeragaman Harga Barang Perlu** bagi membolehkan masyarakat di kawasan pendalaman memperolehi barang-barang keperluan pengguna seperti

beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;

- vi) Mengadakan **kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** bagi meningkatkan bekalan makanan melalui program-program seperti Program Stok Bekalan Makanan, Program Jualan Ikan Segar Beku (Q-Fish) dan sebagainya;
- vii) mewujudkan **MyFARM Outlet** dengan kerjasama MOA serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membolehkan rakyat memperoleh barangan keperluan makanan pada harga yang berpatutan; dan
- viii) menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Selaras dengan matlamat sebagai **Caring Ministry**, Kementerian berharap, usaha-usaha yang telah dinyatakan ini akan dapat membantu menangani isu harga barangan dengan lebih baik demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[LEMBAH PANTAI]**  
**TARIKH** : **7 MAC 2018 [RABU]**  
**SOALAN** : **46**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan penglibatan pekerja tempatan sebanyak 30% dalam sektor pekerjaan STEM seperti negara-negara maju iaitu seperti Jerman dan Australia;
- (b) nyatakan status Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) untuk mencapai 60% pelajar terlibat dengan STEM menjelang 2020.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan agenda nasional termasuk usaha melahirkan modal insan berkualiti dan mencukupi dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Dalam usaha meningkatkan pekerja berkemahiran dalam bidang STEM setaraf dengan negara-negara maju, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama pelbagai pihak khususnya Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menggubal **Pelan Tindakan Strategik Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Nasional 2018-2025**. Pelan ini bertujuan untuk melaksanakan strategi dan inisiatif yang telah dikenal pasti bagi meningkatkan bilangan pelajar yang mengikuti aliran STEM dan memilih kerjaya berkaitan STEM. Pelaksanaan pelan ini merupakan gerakan menyeluruh dan bersepadu dengan penglibatan semua pihak iaitu Kerajaan, guru, komuniti, industri dan ibu bapa.

Kerajaan juga telah mewujudkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang merupakan salah satu agenda untuk memberikan pengiktirafan dan meningkatkan penglibatan pekerja tempatan dalam sektor pekerjaan STEM. Bagi menyokong usaha ini, **Malaysia Board of Technologists (MBOT)** iaitu sebuah agensi di bawah MOSTI berperanan sebagai badan untuk mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional serta Juruteknik Bertauliah sebagai profesion iktisas. MBOT turut menyediakan program pembangunan dan latihan profesional serta menjalankan penilaian program teknologi dan teknikal yang berkaitan.

Seterusnya, Kerajaan juga telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menerapkan elemen STEM menerusi **program pembudayaan STI** seperti program *Creativity & Science4U*, *ScienceFest*, Singgah Sains dan Perkampungan Sains. Modul-modul program ini dibentuk bagi menarik minat pelajar melalui pendekatan aktiviti berkonsepkan *hand's on* dan *mind's on*. Ia berfungsi untuk mengubah tanggapan bahawa sains itu bukanlah sesuatu yang sukar, tetapi sains itu sesuatu yang mudah lagi menyeronokkan.

Dalam hal ini, tumpuan MOSTI ialah untuk memastikan lebih ramai pelajar berminat dan meneruskan pengajian dalam bidang STEM serta seterusnya menyediakan jumlah tenaga kerja dalam bidang berkaitan STEM yang mencukupi

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan dan mencapai nisbah pengajian sains:sastera kepada 60:40 menjelang 2020.

Sehingga kini, peratus enrolmen pelajar dalam bidang STEM pada tahun 2017 seperti mana data yang diperolehi daripada KPM berada pada tahap 45.7% berbanding 54.3% pelajar dalam bidang bukan STEM. Pencapaian ini dijangka dapat ditingkatkan melalui pelan dan inisiatif-inisiatif sebagaimana yang telah saya jelaskan sebelum ini.

Pada masa yang sama, Kementerian sedang dalam proses mengkaji semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) bagi tempoh 2020-2030 di mana aspek dalam bidang STEM turut diberi perhatian dalam penyediaan dasar ini.

Inisiatif-inisiatif sebegini diharapkan dapat membantu Malaysia mencapai sasaran TN50 untuk berada pada kedudukan 20 negara teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi menjelang tahun 2050.

Sekian, terima kasih.

## SOALAN ( 47 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 MAC 2018  
[ RABU ]

DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]

**SOALAN :-**

**YB DR. SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam menggalakkan orang awam menjadi anggota bomba sukarela agar latihan dapat diberikan kepada anggota masyarakat setempat dan sehingga kini sejauh mana penubuhan anggota bomba sukarela telah mencapai matlamat penubuhannya.

115

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Pasukan Bomba Sukarela** memainkan peranan sangat penting di negara ini terutama dalam memberikan perlindungan kebakaran dan penyelamatan di kawasan-kawasan luar bandar yang **jauh dari balai bomba**. Kewujudan mereka berjaya memendekkan '*response time*' apabila berlaku kecemasan. Di samping itu, pasukan ini juga menjadi ejen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keselamatan kebakaran.

Pada masa ini terdapat **370 Pasukan Bomba Sukarela** yang telah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai **13,349** di seluruh negara.

Bagi tahun 2018, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mensasarkan sebanyak **15 Pasukan Bomba Sukarela**



yang **baru** dengan penambahan keahlian sekurang-kurangnya **300 orang**. Sekiranya sasaran ini tercapai, bilangan keseluruhan Pasukan Bomba Sukarela pada tahun 2018 mencecah **385 pasukan**.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan penyertaan orang awam sebagai bomba sukarela antaranya:

- **Skim Insurans Takaful Berkelompok** kepada Pasukan Bomba Sukarela melibatkan peruntukan sebanyak RM1.28 juta setahun;
- **Geran Bantuan Tahunan** kepada setiap Pasukan Bomba Sukarela sebanyak **RM3,000.00** bagi membantu pengurusan pasukan;
- Menyediakan **Personal Protective Equipment (PPE)** kepada Pasukan Bomba Sukarela seperti **baju api, helmet, gloves dan but**;
- Menyediakan **Jentera Bomba Sukarela** bertujuan membantu operasi pemadaman dan penyelamatan. Sehingga kini **249 pasukan telah dilengkapi** dengan jentera tersebut manakala **baki 121 pasukan**

akan dibekalkan **secara berperingkat**. Turut dibekalkan adalah peralatan seperti **hos, pam angkut dan nozel; dan**

- Memberi **latihan secara berjadual** kepada Pasukan Bomba Sukarela.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018